



Yayasan Waqaf Malaysia

**KENYATAAN MEDIA  
YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

**BENGKEL PEMERKASAAN INSTRUMEN WAKAF BERTEMPOH (WAKAF  
AL-MUAQQAT) DILANCARKAN BAGI TUJUAN PELAKSANAAN  
PEMBANGUNAN DI MALAYSIA**

---

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah melancarkan Bengkel Pemerksaan Instrumen Wakaf Bertempoh (Wakaf Al-Muaqqat) bagi tujuan pelaksanaan pembangunan di Malaysia.
  
2. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM di dalam ucapan perasmianya menyatakan pembangunan wakaf di Malaysia terus diberikan perhatian oleh YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 2024 Malaysia Madani pada 13 Oktober 2023 yang lalu dan telah mengumumkan inisiatif berikut:
  - a. peruntukan sebanyak 100 juta ringgit kepada MyCIF bagi tempoh 3 tahun bagi melengkapi kerjasama dengan inisiatif keterjaminan makanan, alam sekitar, masyarakat dan juga Majlis Agama Islam Negeri untuk membuka peluang pembangunan aset wakaf untuk tujuan kesihatan, Pendidikan dan perusahaan asas tani; dan
  - b. pada tahun 2024, Kerajaan akan meningkatkan dana kepada 500 juta ringgit untuk pinjaman mudah bagi meningkatkan pembangunan semula tanah-tanah wakaf di seluruh negara.
  
3. Selari dalam usaha merealisasikan seruan Kerajaan ini, YWM bergerak proaktif dalam merangka dan menyusun strategi untuk mengaplikasikan konsep wakaf

bertempoh sebagai sumber dana alternatif bagi membangunkan tanah-tanah wakaf di seluruh negara dengan penglibatan pihak Kerajaan, swasta, korporat, pihak berkepentingan dan masyarakat umum.

4. Pembangunan akan memberi fokus kepada projek berimpak tinggi, berdaya maju dan mampan dalam meningkatkan aset wakaf di seluruh negara, dengan sektor yang berpotensi untuk dimajukan iaitu kesihatan, pendidikan, perumahan, pertanian (*food security*) dan pembangunan ekonomi serta komuniti.
5. Terdahulu, pelaksanaan wakaf bertempoh telah dilaksanakan oleh YWM pada tahun 2022 menerusi kerjasama YWM bersama CIMB Islamic Bank Berhad dan Yayasan Belia Malaysia menerusi Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur.
6. Menurut Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama), bagi membiayai pembangunan hartanah wakaf pula, konsep pinjaman *Qardul Hassan* akan digunakan bagi menebus ataupun membiayai semula projek pembangunan wakaf yang telah siap, telah beroperasi dan telah menjana pendapatan yang konsisten, yang dibangunkan secara *Private Finance Initiative* bagi membolehkan pinjaman dana wakaf dapat dibayar balik.
7. Pembiayaan semula ini akan membolehkan pembiaya asal projek tersebut keluar lebih awal (*early exit*) di mana kaedah ini akan menjimatkan kos pembiayaan yang akan dipulangkan kembali kepada pengurus dana wakaf dalam bentuk hibah, yang boleh diagihkan untuk kebajikan rakyat.
8. Menurutny lagi, selaras dengan Perlembagaan Malaysia di mana urusan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri dan Majlis Agama Islam Negeri merupakan Pemegang Amanah Tunggal harta wakaf di negeri masing-masing, aset wakaf yang telah siap dibina ini akan diserahkan dan didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam Negeri dan YWM akan diberi hak mengurus aset tersebut bagi suatu tempoh yang dipersetujui bersama.
9. Manakala Ketua Pegawai Eksekutif YWM, YBr. Dr. Ridzwan Bakar berkata, penganjuran bengkel ini yang menghimpunkan para wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), JAWHAR, pihak berkepentingan seperti Kementerian

Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, wakil perbankan dan pihak korporat dilihat bertepatan dalam membantu dan memberi panduan kepada YWM untuk menghasilkan pelan tindakan yang strategik agar hala tuju pembangunan wakaf di Malaysia bersifat lebih dinamik dan berdaya saing.

10. Menurutny lagi, pelaksanaan bengkel ini selaras dengan saranan Jawatankuasa Penasihat Syariah YWM untuk YWM memperhalusi semula cadangan pelaksanaan wakaf tunai bertempoh dari sudut praktikaliti, perundangan dan pentadbiran agar perancangan yang dirangka dapat dilaksana dengan sempurna dan tersusun.
11. Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) di akhir ucapannya menyeru agar usaha ini mendapat penglibatan semua pihak termasuk sokongan daripada masyarakat amatlah signifikan dalam menjadikan wakaf sebagai penyumbang kepada sektor Kewangan Sosial Islam di Malaysia seterusnya membawa kepada wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara.

Sekian, terima kasih

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**  
**23 OKTOBER 2023**

---

### **Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)**
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | [nurain.nazri@ywm.gov.my](mailto:nurain.nazri@ywm.gov.my)**